



مجلس اسلام و ادات مelayu Terengganu
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU
MAIDAM



PELAN ANTI RASUAH
ORGANISASI
(OACP)
2022-2026

“

FIRMAN ALLAH SWT

Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru kepada kebijakan dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik serta melarang daripada segala yang salah. Dan mereka yang demikian ialah orang berjaya.

Surah Ali Imran:104

”

SABDA NABI MUHAMMAD SAW

Pemberi rasuah dan penerima rasuah akan masuk ke dalam api neraka.

Riwayat at-Thobarani





“Hanya nilai integriti, kejujuran dan amanah yang kukuh dalam diri seseorang dapat menangkis godaan rasuah serta salah guna kuasa. Walaupun memiliki wang yang banyak, hujung tahun dapat bonus dan ada lagi ganjaran lain. Tetapi hidup tidak seronok kerana apa yang kita miliki itu tidak berkat.”

TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI
Ketua Setiausaha Negara

“Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023 adalah ‘living document’ dan milik kita semua. Ia dianalisis secara teliti dengan kaedah penilaian risiko rasuah untuk kita kenal pasti bidang keutamaan yang memerlukan perhatian serius.”

TAN SRI ABU KASSIM BIN MOHAMED
Mantan Ketua Pengarah Pusat Governans,
Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC)



"Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) merupakan sebagai usaha untuk mengekang budaya amalan rasuah di kalangan penjawat awam. Pelan OACP merupakan satu cara untuk menyedarkan kakitangan sendiri bahawa bahayanya akan aktiviti rasuah.

Penjawat awam adalah golongan yang berisiko tinggi terhadap rasuah justeru kerajaan telah memperkenalkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP). Pelan Antirasuah Nasional (NACP) adalah sebagai dokumen utama Kerajaan Malaysia yang menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepada dalam memerangi rasuah."

TENGKU SERI BIJAYA RAJA
Setiausaha Kerajaan Terengganu

MENJADIKAN
MAIDAM
SEBUAH
INSTITUSI
ISLAM YANG
BERINTEGRITI
DAN **SIFAR**
RASUAH



Isi Kandungan

01	PERUTUSAN YANG DIPERTUA MAIDAM	1
09	PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIDAM	2
	RINGKASAN EKSEKUTIF	4
	SINGKATAN	9
BAB 1 PENGENALAN		
07	1.1 Latar Belakang MAIDAM	7
18	1.2 Carta Organisasi MAIDAM	9
	Pengurusan MAIDAM	10
	1.3 Latar Belakang OACP MAIDAM	12
	1.4 Punca Kuasa	14
	1.5 Pihak Berkepentingan	15
	1.6 Pelanggan	16
	1.7 Rakan Strategik	16
	1.8 Objektif	17
	1.9 Dasar MAIDAM	18
BAB 2 DATA DAN ANALISIS		
20	2.1 Isu dan Cabaran Menangani Rasuah	20
22	2.2 Kesan Rasuah	20
	2.3 Analisis Data	21
	2.4 Bidang Risiko	21
	2.5 Analisis Kajian Soal Selidik MAIDAM berkaitan Isu Tadbir Urus, Integriti dan Rasuah	22
BAB 3 RISIKO		
24	3.1 Ringkasan Senarai Risiko	24
25	3.2 Kerangka Utama OACP MAIDAM	25
BAB 4 STRATEGI OACP		
30	4.1 Rumusan Strategi OACP MAIDAM	30
38	4.2 Mekanisme Pemantauan	38
	4.3 Mekanisme Penilaian	38
BAB 5 KESIMPULAN		
40	5.1 Kesimpulan	40
41	5.2 Penghargaan	41

“ PADA HEMAT SAYA, OACP MAIDAM
INI MERUPAKAN MEKANISME
UTAMA DALAM USAHA MENJADIKAN
MAIDAM SEBUAH INSTITUSI AGAMA
YANG BEBAS RASUAH MENJELANG
TAHUN 2026. IA SELARAS DENGAN
MATLAMAT MELESTARIKAN
PENGURUSAN BAITULMAL UNTUK
MEMARTABATKAN
SOSIOEKONOMI UMAT
ISLAM MELALUI
PEMERKASAAN
PERKHIDMATAN TERAS
YANG AMANAH,
BERINTEGRITI DAN
MENEPATI SYARAK



PERUTUSAN YANG DIPERTUA MAIDAM

ASSALAMUALAIKUM.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur setulusnya disembahkan ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW serta ahli keluarga Baginda dan para sahabat sekaliannya.

Terima kasih diucapkan kerana memberi kesempatan kepada saya untuk memberikan sepatuh dua kata dalam dokumen Pelan Antirasuah Organisasi MAIDAM 2022 – 2026 (OACP MAIDAM). Pada hemat saya, OACP MAIDAM ini merupakan mekanisme utama dalam usaha menjadikan MAIDAM sebuah institusi agama yang bebas rasuah menjelang tahun 2026.

Ia selaras dengan matlamat melestarikan pengurusan baitulmal untuk memartabatkan sosioekonomi umat Islam melalui pemerkasaan perkhidmatan teras yang amanah, berintegriti dan menepati syarak. Oleh itu, perancangan dan pelaksanaan setiap inisiatif memerlukan pendekatan yang strategik, dapat menghasilkan impak bernilai tinggi dan merealisasikan ketinggian Islam serta memenuhi maslahat ummah keseluruhannya.

Saya amat yakin dengan keupayaan pegawai dan kakitangan MAIDAM, selaku organisasi tunggal yang menguruskan zakat, wakaf dan mal di peringkat negeri, dengan gabungan usaha dan tenaga daripada semua agensi pelaksana di peringkat negeri dan swasta.

Saya berharap OACP MAIDAM ini bukan sahaja menjadi panduan utama kepada warga kerja MAIDAM, bahkan juga kepada pihak berkepentingan, jabatan kerajaan dan swasta.

Sekian, terima kasih.



DATO' HAJI SHAIKH HARUN
BIN SHAIKH ISMAIL



PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIDAM

PROF. MADYA DR. AHMAD
AZRIN BIN ADNAN



ASSALAMUALAIKUM.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Syukur ke hadrat Ilahi kerana OACP MAIDAM telah berjaya dibangunkan sebagai salah satu usaha ke arah menjadikan MAIDAM sebuah organisasi yang berintegriti dan bebas rasuah. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat menjayakan pembangunan OACP MAIDAM ini. Semoga setiap inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan dan cemerlang.

Perancangan dan pelaksanaan OACP MAIDAM untuk lima tahun ini merupakan langkah penting

bagi memastikan MAIDAM dapat menunaikan segala amanah yang dipertanggungjawabkan dengan penuh iltizam, berintegriti serta berdaya saing di samping meningkatkan akauntabiliti dalam penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.

Melalui perancangan inisiatif yang jelas dan sistematik seperti yang terkandung dalam OACP MAIDAM ini, ia dapat membantu MAIDAM dalam pelaksanaan segala aktiviti dan program yang berkait dengan pengurusan dan pembangunan harta tanah, pengurusan zakat, wakaf dan mal agar telus, amanah dan patuh syariah seterusnya dapat membendung gejala rasuah.

Besar harapan saya agar MAIDAM mampu mengorak langkah mendepani cabaran mendatang demi kemaslahatan ummah dan syiar Islam di negeri Terengganu serta kekal relevan sebagai sebuah organisasi unggul dalam pengurusan baitulmal. Selamat maju jaya diucapkan kepada seluruh warga MAIDAM dalam mengemudi pengurusan zakat, wakaf dan mal demi kesejahteraan ummah.

Sekian, terima kasih.





“ PERANCANGAN DAN
PELAKSANAAN OACP MAIDAM
UNTUK LIMA TAHUN INI
MERUPAKAN LANGKAH
PENTING BAGI MEMASTIKAN
MAIDAM DAPAT MENUNAIKAN
SEGALA AMANAH YANG
DIPERTANGGUNGJAWABKAN
DENGAN PENUH ILTIZAM,
BERINTEGRITI SERTA
BERDAYA SAING DI SAMPING
MENINGKATKAN
AKAUNTABILITI DALAM
 PENYAMPAIAN
PERKHIDMATAN
KEPADAMASYARAKAT.

RINGKASAN EKSEKUTIF



PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU (MAIDAM) 2022 – 2026 TELAH DIBANGUNKAN HASIL DARIPADA KOMITMEN PENUH JAWATANKUASA PEMBANGUNAN OACP MAIDAM YANG DILANTIK SERTA KERJASAMA SELURUH WARGA MAIDAM. PELAN INI MENGGARISKAN TIGA (3) STRATEGI UTAMA DALAM MENANGANI PERMASALAHAN ISU TADBIR URUS, INTEGRITI DAN RASUAH. TIGA BIDANG UTAMA YANG DIKENAL PASTI TERDEDAH PADA PERMASALAHAN TADBIR URUS, INTEGRITI DAN RASUAH DI MAIDAM IALAH TADBIR URUS KEWANGAN DAN PEROLEHAN, PENGURUSAN ZAKAT SERTA PEMBANGUNAN HARTA DAN PROJEK.

PENGENALAN

Merangkumi latar belakang organisasi dan bidang tugas utama (perkhidmatan teras) MAIDAM.

ISU DAN CABARAN

Merangkumi isu dan permasalahan di samping analisis data bagi menghasilkan pelan tindakan yang bersesuaian.

MEMPERKASAKAN ISU PENCEGAHAN RASUAH

Kerangka utama OACP MAIDAM dan senarai Pelan Tindakan yang telah dihasilkan bagi mencapai visi dan misi OACP MAIDAM.

TADBIR URUS OACP MAIDAM

Menyentuh aspek berkaitan dengan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian.

KESIMPULAN

Merumuskan keseluruhan pelaksanaan pembangunan OACP MAIDAM.

SINGKATAN

AZ	SEKSYEN AGIHAN ZAKAT
KEW	SEKSYEN KEWANGAN
LKAN	LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
NACP	NATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN
OACP	ORGANISATIONAL ANTI- CORRUPTION PLAN/PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI
PH	SEKSYEN PENGURUSAN HARTA
PSM	SEKSYEN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
PUU	SEKSYEN PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
SISPAA	SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM
SUK	SETIAUSAHA KERAJAAN TERENGGANU
TEK	SEKSYEN TEKNIKAL
TM	SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT
UAD	UNIT AUDIT DALAM
WSA	SEKSYEN WAKAF DAN SUMBER AM



MENJADIKAN
MAIDAM
SEBUAH INSTITUSI
ISLAM YANG
BERINTEGRITI
DAN
SIFAR
RASUAH

Bab 1

Pengenalan

1.1 Latar Belakang MAIDAM	7
1.2 Carta Organisasi MAIDAM	9
Pengurusan Maidam	10
1.3 Latar Belakang OACP	12
MAIDAM	
1.4 Punca Kuasa	14
1.5 Pihak Berkepentingan	15
1.6 Pelanggan	16
1.7 Rakan Strategik	16
1.8 Objektif	17
1.9 Dasar MAIDAM	18

PERKARA YANG
HEBAT DALAM
SESEBUAH
INSTITUSI
TIDAK PERNAH
DILAKUKAN OLEH
SEORANG; IANYA
DILAKUKAN OLEH
SEKUMPULAN
ORANG

1.1


MENJADIKAN
MAIDAM
SEBUAH INSTITUSI
ISLAM YANG
BERINTEGRITI
DAN
SIFAR
RASUAH

LATAR BELAKANG MAIDAM

MAIDAM ditubuhkan pada tahun 1949 di bawah Undang-undang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu 1949 (1368) yang diwartakan pada 16 Februari tahun yang sama. Undang-undang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu 1949 (1368) kemudiannya digantikan dengan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1986 yang memperuntukkan dengan lebih jelas berkenaan dengan peranan MAIDAM dalam menasihati DYMM Tuanku Sultan berkenaan hal ehwal agama Islam dan adat Melayu secara amnya. Seterusnya Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1986 digantikan dengan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001.

MAIDAM diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif dengan dibantu oleh empat (4) orang Ketua Penolong Setiausaha. Terdapat empat (4) bahagian utama di bawah MAIDAM yang memainkan peranan dalam mengendalikan hal ehwal berkaitan urusan pentadbiran dan pengurusan baitulmal.

“ MAIDAM JUGA MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM MEMBANGUNKAN SOSIOEKONOMI UMAT ISLAM DI NEGERI TERENGGANU SELARAS DENGAN MISI MAIDAM UNTUK MELESTARIKAN PENGURUSAN BAITULMAL UNTUK MEMARTABATKAN SOSIOEKONOMI UMAT ISLAM MELALUI PEMERKASAAN PERKHIDMATAN TERAS YANG AMANAH, BERINTEGRITI DAN MENEPATI SYARAK SEKALI GUS MENJADIKAN MAIDAM SEBUAH INSTITUSI ISLAM YANG TERBILANG. ”



**MOTO &
MATLAMAT
UTAMA**

AMANAH DARUL IMAN

MATLAMAT UTAMA

AMANAH

AMANAH BERMAKSUD MAJLIS DAN MENJALANKAN TUGAS YANG DIPERTANGGUNGJAWABKAN KEPADANYA BERPEGANG KEPADA PRINSIP JUJUR DAN AMANAH.


DARUL IMAN

DARUL IMAN BERMAKSUD NEGERI TERENGGANU YANG BERGELAR DARUL IMAN IALAH NEGERI DI MANA MAJLIS DIPERTANGGUNGJAWABKAN DALAM PERKARA BERKAITAN DENGAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU.

MEMBANTU DAN MENASIHATI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN TERENGGANU DALAM SEMUA PERKARA YANG MENYENTUH HAL EHWAL AGAMA, PEMBANGUNAN SYIAR ISLAM SERTA KESEJAHTERAAN SOSIO-EKONOMI UMAT ISLAM DI NEGERI TERENGGANU BERLANDASKAN AL-QURAN DAN SUNNAH.

CARTA ORGANISASI MAIDAM

1.2



PENGURUSAN MAIDAM

8

7

6

5

4

3

2

1

Hishamliza
bin Zakaria
**PENOLONG
KANAN
SETIAUSAHA
Keurusetiaan**

Norliza
binti Muhd Nor
**PENOLONG
KANAN
SETIAUSAHA
Kewangan**

Ahmad Nordin
bin Alias
**PENOLONG
KANAN
SETIAUSAHA
Teknologi
Maklumat**

Mohd Jalil
bin Ngah
**KETUA
PENOLONG
SETIAUSAHA
Pembangunan
Harta & Projek**

Nazli Amirri
bin Ngah
**KETUA
PENOLONG
SETIAUSAHA
Pengurusan
Zakat**

Wan Noraina
Mardiah binti
Wan Chik
**KETUA
PENOLONG
SETIAUSAHA
Khidmat
Pengurusan**

Abd. Razak
bin Abd. Rahman
**KETUA PENOLONG
SETIAUSAHA
Pengurusan Mal**

YBrs. Prof. Madya
Dr. Ahmad Azrin
bin Adnan
**KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF**



9

Yaacob
bin Abdullah
PENOLONG
SETIAUSAHA
Aghian

10

Abdul Halim
Lim bin Abdul
Rahman
PENOLONG
SETIAUSAHA
Pengurusan
Korporat

11

Wan Mohd
Helmi bin Wan
Mohd Samsudin
PENOLONG
SETIAUSAHA
Pembangunan
Sumber
Manusia

12

Dr. Mohd
Ridzuan bin
Mohamad
PENOLONG
SETIAUSAHA
SETIAUSAHA
Wakaf dan
Sumber Am

13

Nur Hafiza
binti Zamri
PENOLONG
SETIAUSAHA
Pentadbiran
dan Undang-
Undang

14

Nurul Ain
binti Nordeen
PENOLONG
SETIAUSAHA
Pentadbiran
Zakat dan
Pungutan

15

Muhammad
Abdillah bin
Tajudin
PENOLONG
SETIAUSAHA
Teknologi
Maklumat

16

Muhamad
Syarif bin
Omer
PENOLONG
SETIAUSAHA
Promosi

17

Ym. Tengku
Hasnyda
binti Tengku
Ibrahim
PENOLONG
SETIAUSAHA
Pengurusan
Harta





MISI

MELESTARIKAN PENGURUSAN BAITULMAL
UNTUK MEMARTABATKAN SOSIOEKONOMI
UMAT ISLAM MELALUI PEMERKASAAN
PERKHIDMATAN TERAS YANG AMANAH,
BERINTEGRITI DAN MENEPATI SYARAK

VISI

Menjadikan
MAIDAM Sebuah
Institusi Islam
Yang Berintegriti
dan Sifar Rasuah

1.3

BAGI MEREALISASIKAN VISI DAN MISI OACP MAIDAM, SEBANYAK 3 STRATEGI, 13 OBJEKTIF STRATEGIK DAN 31 INISIATIF DIPERKENALKAN DAN AKAN DILAKSANAKAN SEHINGGA TAHUN 2026. KESEMUA STRATEGI YANG DIRANCANG ADALAH SELARAS DENGAN DASAR-DASAR YANG TELAH DIPUTUSKAN OLEH MAJLIS KERAJAAN DAN PIHKAN BERKEPENTINGAN.

OACP MAIDAM 2022 – 2026 ini dibangunkan selaras dengan visi dan misi bagi tempoh lima tahun ke hadapan. MAIDAM telah menentukan kedudukannya dalam jajaran visi dan misi untuk menjadikan MAIDAM sebagai sebuah institusi Islam yang bebas rasuah. MAIDAM juga akan terus melestarikan Pengurusan Baitulmal untuk memartabatkan sosioekonomi umat Islam melalui pemerkasaan perkhidmatan teras yang amanah, berintegriti dan menepati syarak. Ia juga mengambil kira dasar perkhidmatan awam yang diputuskan oleh pihak berkepentingan mengenai peningkatan kualiti sistem penyampaian kepada pelanggan dengan menambah baik kerjasama strategik dengan sebarang entiti bagi mencapai suatu matlamat bersama.

LATAR BELAKANG OACP MAIDAM

Pelan ini mengandungi latar belakang jabatan, objektif strategik dan pelan tindakan bagi memberikan gambaran secara menyeluruh mengenai perancangan antirasuah MAIDAM untuk tempoh lima tahun akan datang.

OACP MAIDAM ini juga akan berjalan seiring dengan dasar pentadbiran negeri, iaitu bagi kesejahteraan dan kebaikan rakyat negeri Terengganu serta dasar antirasuah negara.

Pelaksanaan pelan antirasuah ini dipantau secara berkala melalui mekanisme yang telah ditetapkan. Mesyuarat Pengurusan Jabatan akan meneliti status pelaksanaan inisiatif bagi memastikan objektif yang telah ditetapkan tercapai. Sepanjang pelaksanaan pelan ini, penilaian dan kajian semula akan dijalankan dari semasa ke semasa bagi menentukan strategi dan tahap pencapaian sesuatu inisiatif.

PUNCA KUASA

1.4

1.4.1

**PELAN ANTIRASUAH
NASIONAL (NACP)**

NACP dirangka oleh Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) dan telah dilancarkan dengan rasminya pada 29 Januari 2019 oleh Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dengan matlamat untuk mewujudkan negara bebas rasuah.

Merupakan dasar antirasuah yang mencerminkan harapan tinggi rakyat untuk negara bebas rasuah yang mengamalkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti.

NACP adalah satu pelan khusus bagi menangani permasalahan rasuah, integriti dan tadbir urus di negara ini.

**ARAHAN YAB PERDANA MENTERI SIRI 2 NO 1 TAHUN
2019 - PELAKSANAAN PELEN ANTIRASUAH NASIONAL**

Bertujuan untuk memberikan panduan jelas kepada semua kementerian, jabatan dan agensi awam termasuk mana-mana entiti berkaitan kerajaan, tentang keperluan, peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam memastikan NACP dan agenda pencegahan rasuah organisasi dilaksanakan dengan sempurna.

Arahan ini mendukung usaha pemantapan governans, integriti dan antirasuah dalam sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan melalui pelaksanaan NACP.

1.5

PIHAK BERKEPENTINGAN

O1	KDYMM SULTAN TERENGGANU
O2	JEMAAH PANGKUAN DIRAJA
O3	YAB MENTERI BESAR
O4	MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI
O5	YANG DIPERTUA MAIDAM
O6	AHLI MESYUARAT MAIDAM
O7	SUK TERENGGANU
O8	KERAJAAN NEGERI
O9	JABATAN/AGENSI PERSEKUTUAN
O10	JABATAN/AGENSI NEGERI



1.7 RAKAN STRATEGIK

Rakan strategik boleh ditakrifkan sebagai suatu organisasi, kumpulan, pertubuhan atau entiti yang menjalinkan kerjasama dengan agensi awam dalam bentuk yang tertentu bagi mencapai suatu matlamat bersama. Organisasi, kumpulan, pertubuhan atau entiti berkenaan pula tidak semestinya merupakan pelanggan ataupun pihak yang berkepentingan ke atas agensi awam tersebut, sebaliknya boleh terdiri daripada sebarang entiti luar yang berpotensi bekerjasama secara strategik dengan agensi bagi mencapai matlamat bersama:

SUK TERENGGANU
PEJABAT UNDANG-UNDANG NEGERI
PERBENDAHARAAN TERENGGANU
AGENSI KERAJAAN NEGERI
AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN
IPTA/IPTS
MEDIA MASSA
AGENSI KERAJAAN DI LUAR NEGARA
BANK/INSTITUSI KEWANGAN
AGENSI SWASTA

1.8

OBJEKTIF

Peningkatan kefahaman tentang kewajipan membayar zakat dalam kalangan orang Islam di negeri Terengganu.

Pelaksanaan dan penyaluran agihan zakat dan sumber lain secara efisien, adil dan berkesan dengan memberi keutamaan kepada asnaf dan golongan sasaran ke arah pencapaian matlamat dan objektif MAIDAM.

Mempertingkatkan sumber pendapatan tahunan melalui projek pembangunan dan pemilikan aset untuk menjana sosioekonomi umat Islam.

Memastikan harta-harta wakaf dan sumber am terpelihara, berkembang dan dibangunkan berlandaskan syarak

O1

O2

O3

O4

O5

O6

O7

O8

O9

Pengembangan syiar Islam di negeri Terengganu melalui peningkatan kefahaman dan dakwah Islamiyah, pengukuhan akidah, pemurnian akhlak dan perlindungan hidup (duniawi dan ukhrawi) khususnya kepada golongan sasaran dan yang berisiko tinggi.

Pembangunan ekonomi yang lebih bersepada dan halal dengan menggunakan pendekatan yang berupaya untuk membebaskan umat Islam daripada garis kefakiran, kemiskinan dan kejahanan

Peningkatan kebajikan kepada anak yatim, kanak-kanak, wanita dan warga emas yang berisiko tinggi dari pelbagai sudut, khususnya dalam kalangan fakir, miskin dan mualaf.

Pembudayaan amalan berwakaf sebagai sedekah jariah dalam kalangan masyarakat ke arah memperkasakan sosioekonomi umat Islam.

Membebaskan umat Islam daripada terjebak dengan amalan riba yang dimanipulasikan oleh sistem pajak gadai konvensional melalui kemudahan pinjaman (mikrokredit) secara mudah dan cepat kepada golongan yang berpendapatan rendah.

1.9

DASAR MAIDAM

01

Berlandaskan kepada al-Quran dan Sunnah serta sumber rujukan yang diterima pakai syarak.

02

Pelaksanaan segala projek, program, aktiviti dan inisiatif hendaklah menghala ke arah pencapaian matlamat, objektif, visi dan misi MAIDAM.

03

Mengamalkan konsep kerjasama dan kesatuan amal secara bersepudu dan tersusun dengan pihak kerajaan, agensi kerajaan, swasta, NGO dan mana-mana pihak ketiga yang mempunyai objektif yang sama berdasarkan polisi MAIDAM.

04

Mengamalkan konsep keutamaan (al-Aulawiyah) dalam setiap keputusan dan pelaksanaan tindakan secara bijaksana, telus dan amanah.

05

Mengelakkan ketirisan dan penyelewengan dalam pelaksanaan projek, program, aktiviti dan inisiatif MAIDAM melalui pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) dan peraturan-peraturan kewangan yang telah ditetapkan oleh MAIDAM.

DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS NASIONAL

DALAM MENUJU KE ARAH STATUS NEGARA MAJU DAN BERPENDAPATAN TINGGI, AGENDA PEMBANTERASAN RASUAH TELAH MENJADI KEUTAMAAN NEGARA.

UNTUK ITU, BEBERAPA INISIATIF UTAMA DI PERINGKAT NATIONAHL TELAH DIBANGUNKAN BERMULA DENGAN PELAN INTEGRITI NASIONAL (PIN) 2004, PELAN TRANSFORMASI KERAJAAN (GTP) 2010, PELAN TRANSFORMASI KERAJAAN 2.0 (GTP2.0) 2013, DAN YANG TERKINI PELAN ANTIRASUAH NASIONAL (NACP) 2019 – 2023.

PELAKSANAAN DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS MAIDAM

MAIDAM SENTIASA MENYOKONG USAHA KERAJAAN DALAM MEMBANTERAS RASUAH.

BAGI TUJUAN INI, MAIDAM TELAH MENGAMBIL INISIATIF SELARI DENGAN DASAR DAN TADBIR URUS NASIONAL SEPERTI TIADA HADIAH, MELAFAZKAN IKRAR INTEGRITI DAN YANG TERKINI ADALAH PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) 2022 – 2026.

MENJADIKAN
MAIDAM
SEBUAH INSTITUSI
ISLAM YANG
BERINTEGRITI
DAN
SIFAR
RASUAH

Bab 2

Data dan Analisis

2.1 Isu dan Cabaran Menangani Rasuah	20
2.2 Kesan Rasuah	20
2.3 Analisis Data	21
2.4 Bidang Risiko	21
2.5 Analisis Kajian Soal Selidik MAIDAM berkaitan Isu Tadbir Urus, Integriti dan Rasuah	22

Rasuah adalah
kanser yang
mencuri
daripada
orang miskin,
merakus tadbir
urus, moral dan
memusnahkan
kepercayaan

ISU DAN CABARAN MENANGANI RASUAH

2.1



2.2

KESAN-KESAN RASUAH

- 01** MENGAKIBATKAN KELEMAHAN PENGUATKUASAAN UNGANG-UNGANG
- 02** MENIMBULKAN PERSEPSI NEGATIF MASYARAKAT TERHADAP INSTITUSI AGAMA
- 03** PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN TIDAK BERKESAN DAN MENYELURUH
- 04** KERUNTUHAN NILAI INTEGRITI DALAM ORGANISASI
- 05** KETIDAKADILAN SOSIAL DAN PENINDASAN KEPADA GOLONGAN TERTENTU
- 06** MENGAKIBATKAN KEBOCORAN KERAHSIAAN JABATAN

SEMASA PEMBANGUNAN OACP MAIDAM, PELBAGAI DATA TELAH DIPEROLEH SEPANJANG PROSES PENILAIAN RISIKO BAGI MENENTUKAN BIDANG YANG PERLU DIBERI TUMPUAN OLEH MAIDAM DALAM TEMPOH LIMA TAHUN KE HADAPAN. DATA BERKENAAN BERBENTUK STATISTIK, LAPORAN, KAJIAN DAN MAKLUMAT DARIPADA AGENSI YANG BERKAITAN.

**2 KES
TATATERTIB**


**7 LAPORAN
UAD**

25 LKAN

3 SISPAA

2.4 BIDANG-BIDANG BERISIKO

HASIL DARIPADA PERSEKITARAN DAN PENILAIAN RISIKO YANG TELAH DILAKSANAKAN, MAIDAM TELAH MENGENAL PASTI BEBERAPA SEKTOR YANG TERDEDAH KEPADA KELAKUAN RASUAH DAN SALAH LAKU INTEGRITI OLEH WARGA MAIDAM, IAITU:



**ANALISIS
KAJIAN SOAL
SELIDIK MAIDAM
BERKAITAN ISU
TADBIR URUS,
INTEGRITI DAN
RASUAH**

2.5

- 01** 71% RESPONDEN BERSETUJU RUANG KERJA TERDEDAH KEPADA RUANG DAN PELUANG BERLAKUNYA RASUAH.
- 02** 88% WARGA KERJA MENGETAHUI BAHAWA TUNTUTAN PALSU ADALAH KESALAHAN RASUAH DI BAWAH AKTA SPRM 2009.
- 03** 0.4% RESPONDEN PERNAH DITAWARKAN UNTUK MENERIMA RASUAH.
- 04** 2% RESPONDEN BERSETUJU BAHAWA ISU RASUAH DI MAIDAM SANGAT MEMBIMBANGKAN.
- 05** 97% RESPONDEN MENGETAHUI KEWUJUDAN UNDANG-UNDANG, POLISI DAN DASAR, PERATURAN, PEKELILING, ARAHAN, PERINTAH TETAP, GARIS PANDUAN, SOP DAN SENARAI TUGAS YANG MELIBATKAN JAWATAN, TUGAS SERTA TANGGUNGJAWAB DI MAIDAM.
- 06** 95% RESPONDEN BERSETUJU UNDANG-UNDANG, POLISI DAN DASAR, PERATURAN PEKELILING ARAHAN PERINTAH TETAP GARIS PANDUAN SOP DAN SENARAI TUGAS DIPATUHI DALAM MELAKSANAKAN TUGAS.
- 07** 98% RESPONDEN MEMAHAMI DAN MENGERTI MAKSUM INTEGRITI.



MENJADIKAN
MAIDAM
SEBUAH INSTITUSI
ISLAM YANG
BERINTEGRITI
DAN
SIFAR
RASUAH

Bab 3

Risiko

- | | |
|-----------------------------------|----|
| 3.1 Ringkasan Senarai Risiko | 24 |
| 3.2 Kerangka Utama OACP
MAIDAM | 25 |

Kebenaran
akan sentiasa
menjadi
perisai kita
menentang
rasuah

RINGKASAN
SENARAI RISIKO

3.1



**KERANGKA
UTAMA OACP JPA****3.2****VISI**

KE ARAH MELAHIRKAN WARGA MAIDAM YANG BERINTEGRITI TINGGI DAN BEBAS RASUAH

MISI

MEMACU DAN MENERAJU PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA PERKHIDMATAN AWAM MELALUI PEMERKASAAN DAN PENGUKUHAN ASPEK GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH

MATLAMAT

MEMANTAPKAN DAN MEMPERKUKUHKAN GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH MELIPUTI SEMUA AKTIVITI ORGANISASI

**BIDANG
KEUTAMAAN**

TADBIR URUS

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN

STRATEGI

MEMPERKASAKAN
TADBIR URUS
ORGANISASI KE ARAH
PERKHIDMATAN YANG
BERKESAN

MEMPERTINGKAT
KEBERKESANAN DAN
KETELUSAN KEWANGAN
DAN PEROLEHAN
AWAM

MEMPERKUKUH
KOMPETENSI
MODAL INSAN DAN
PROFESIONALISME

3.2.1

TADBIR URUS, KEWANGAN DAN PEROLEHAN

Sektor tadbir urus merangkumi pengurusan hal ehwal pentadbiran sesebuah organisasi dalam melaksanakan fungsi dan matlamat organisasi tersebut. Perkara penting yang perlu diberi perhatian dan mencerminkan imej organisasi adalah penyampaian perkhidmatan yang ditawarkan oleh organisasi.

Pengurusan kewangan dan perolehan tidak hanya bertujuan untuk memastikan sumber organisasi adalah mencukupi bagi melaksanakan aktiviti, tetapi juga untuk memperkenalkan akauntabiliti. Kelemahan dalam akauntabiliti boleh mendorong berlakunya penyelewengan seperti penipuan, kecurian dan aktiviti yang menyalahi undang-undang. Sekiranya terdapat kelemahan pada pengurusan kewangan dan perolehan yang dilaksanakan oleh organisasi, ia akan melibatkan peruntukan dan sumber kewangan yang besar. Oleh itu, setiap organisasi perlu melaksanakannya dengan cekap dan teratur agar kepentingan organisasi dapat dilindungi, tiada pembaziran dan ketirisan sumber kewangan yang digunakan.

3.2.2

TADBIR URUS, KEWANGAN DAN PEROLEHAN

Pengurusan zakat terbahagi kepada dua sektor utama, iaitu kutipan zakat dan agihan zakat. Tanpa pengurusan dan pemantauan yang bersepadan, sektor kutipan zakat boleh terdedah kepada risiko rasuah dan salah laku integriti. Isu seperti serahan tunai, pengeluaran resit, serahan amil dan kerja yang berkait dengan kutipan perlu diperkasakan bagi mengurangkan risiko penyelewengan dan ketirisan.

Sektor agihan zakat perlu dikawal selia dengan baik kerana ruang salah laku dan rasuah boleh berlaku pada bila-bila masa. Amalan dan sistem kerja agihan semasa perlu sentiasa ditambah baik dan diperketat supaya dapat mengurangkan risiko kesalahan rasuah dan amalan pembaziran.

3.2.3

PEMBANGUNAN HARTA DAN PROJEK

Pengurusan harta dan pembangunan projek merupakan dua entiti utama dalam pembangunan harta dan projek di MAIDAM. Pembangunan harta dan projek merupakan bidang yang paling banyak terdedah kepada risiko dan aktiviti penyelewengan, rasuah dan salah guna kuasa. Tindakan memperkuuh pengurusan pembangunan harta dan projek dapat mengurangkan risiko-risiko tersebut daripada berlaku.

VISI

MENJADIKAN MAIDAM SEBUAH
INSTITUSI ISLAM YANG BEBAS
RASUAH

MISI

MELESTARIKAN PENGURUSAN BAITULMAL
MEMARTABATKAN SOSIOEKONOMI UMAT
ISLAM
MEMPERKASAKAN PERKHIDMATAN TERAS
YANG AMANAH, BERINTEGRITI DAN MENEPATI
SYARAK

MATLAMAT

MENINGKATKAN AKAUNTABILITI DAN KREDIBILITI MELALUI
URUS TADBIR, KEWANGAN, PEROLEHAN, PENGURUSAN
ZAKAT DAN PENGURUSAN MAL
KECEKAPAN DAN RESPONSIF DALAM PENYAMPAIAN
PERKHIDMATAN
BUDAYA KERJA BERINTEGRITI BAGI MEMBANTERAS RASUAH

BIDANG KEUTAMAAN

TADBIR URUS, KEWANGAN DAN PEROLEHAN
PENGURUSAN ZAKAT
PEMBANGUNAN HARTA DAN PROJEK

STRATEGI

MEMPERKUKUH KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
AWAM DALAM TADBIR URUS, KEWANGAN DAN PEROLEHAN
MENINGKATKAN SISTEM PENGURUSAN ZAKAT DALAM
KETELUSAN KUTIPAN DAN AGIHAN
MEMPERKASAKAN SISTEM PENYAMPAIAN PEMBANGUNAN
DAN PENGURUSAN HARTA SERTA PROJEK BAGI MEMPERTINGKAT
KUALITI PERKHIDMATAN DAN MENAMBAH KUTIPAN HASIL



STRATEGI
BUKAN LAH
SUATU DARIPADA
PERANCANGAN,
TETAPI STRATEGI
ADALAH TITIK
PERMULAAN
SESUATU
AGENDA



MENJADIKAN
MAIDAM
SEBUAH INSTITUSI
ISLAM YANG
BERINTEGRITI
DAN
SIFAR
RASUAH

Bab 4

Strategi OACP MAIDAM

4.1 Rumusan Strategi OACP MAIDAM	30
4.2 Mekanisme Pemantauan	38
4.3 Mekanisme Penilaian	38

RUMUSAN
STRATEGI OACP
MAIDAM

4.1



4.1.1

BIDANG
KEUTAMAAN:
TADBIR URUS,
KEWANGAN DAN
PEROLEHAN

STRATEGI 1	MEMPERKUKUH KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM DALAM TADBIR URUS, KEWANGAN DAN PEROLEHAN
OBJEKTIF STRATEGIK 1.1	Memantapkan tahap pematuhan melalui pemantauan
OBJEKTIF STRATEGIK 1.2	Memperkasakan nilai murni dan integriti kakitangan MAIDAM
OBJEKTIF STRATEGIK 1.3	Mempertingkatkan kompetensi pegawai melalui latihan
OBJEKTIF STRATEGIK 1.4	Menambah baik polisi pentadbiran bagi meningkatkan keefisienan pengurusan
OBJEKTIF STRATEGIK 1.5	Memantapkan penyampaian perkhidmatan melalui pengurusan kewangan yang cekap
OBJEKTIF STRATEGIK 1.6	Mempertingkatkan tahap pematuhan dalam pelaksanaan kontrak
OBJEKTIF STRATEGIK 1.7	Memperkemas pengurusan dalam pelaksanaan program MAIDAM

1.1

OBJEKTIF STRATEGIK

MEMANTAPKAN TAHAP PEMATUHAN MELALUI PEMANTAUAN

Bil.	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
1.1.1	Memperkasakan pemantauan dalam pentadbiran MAIDAM		
1.1.1.1	Pemantauan secara berkala bagi pengurusan projek dan pembekalan	UAD	3 tahun
1.1.1.2	Melaksanakan pemantauan secara berkala terhadap bantuan zakat	UAD	3 tahun
1.1.1.3	Melaksanakan pemantauan terhadap pelaksanaan projek rumah asnaf secara berkala pada setiap tahun oleh Unit Audit Dalam	UAD	3 tahun
1.1.1.4	Melaksanakan pemantauan ke atas tunggakan bayaran sewa secara berkala	UAD	3 tahun

1.2

OBJEKTIF STRATEGIK

MEMPERKASAKAN NILAI MURNI DAN INTEGRITI KAKITANGAN MAIDAM

Bil.	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
1.2.1	Memperkemas program integriti dan nilai-nilai murni		
1.2.1.1	Membuat hebahan dan peringatan dalaman berkaitan kesalahan yang dilakukan oleh kakitangan tanpa menyebut nama pesalah	PSM	3 tahun
1.2.1.2	Mewujudkan kerjasama dengan pihak SUK dalam mengadakan sesi kaunseling	PSM	1 tahun
1.2.1.3	Melaksanakan program ujian pengesanan air kencing secara mengejut	PSM	3 tahun
1.2.1.4	Melaksanakan tindakan punitif ke atas pegawai yang gagal menjalankan tugas	PSM	3 tahun

1.3

OBJEKTIF STRATEGIK

MEMPERTINGKATKAN KOMPETENSI PEGAWAI MELALUI LATIHAN

Bil.	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
1.3.1	Mempertingkatkan kredibiliti pegawai dalam pentadbiran MAIDAM		
1.3.1.1	Melaksanakan kursus teknikal berkait dengan pengurusan projek: i. Memberi pendedahan teori dan teknikal	PSM	1 tahun

1.4

OBJEKTIF STRATEGIK

MENAMBAH BAIK POLISI PENTADBIRAN BAGI MENINGKATKAN KEEFISIENAN PENGURUSAN

Bil.	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
1.4.1	Memantapkan pengurusan pentadbiran dalaman		
1.4.1.1	Mewujudkan dasar dan arahan dalaman berkaitan pusingan kerja	PSM	1 tahun
1.4.1.2	Mewujudkan jawatan teknikal di daerah yang kritikal	PSM	1 tahun
1.4.1.3	Memperkemas pentadbiran pengurusan aset MAIDAM: i. Memperkemas garis panduan pengurusan aset dalam elemen: a. Mewajibkan pelaksanaan pendaftaran aset sebelum dibuat penempatan aset (IT) b. Pegawai IT yang bertanggungjawab akan dinamakan sebagai Pegawai Penempatan Aset sehingga aset tersebut diagihkan	UPA/TM	3 tahun

1.5

OBJEKTIF STRATEGIK

MEMANTAPKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN MELALUI PENGURUSAN KEWANGAN YANG CEKAP

Bil.	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
1.5.1	Memperkasakan pengurusan kewangan MAIDAM		
1.5.1.1	Menambah baik tatacara kewangan MAIDAM i. Mewujudkan SOP untuk pengurusan cek tak sah laku ii. Mewujudkan kaedah bayaran secara “tanpa cek dan tunai” iii. Tiada pengeluaran cek dilakukan ke atas penerima zakat yang tidak dapat dikesan	KEW	1 tahun
1.5.1.2	Mengenal pasti waris yang tidak dapat dikesan bagi tujuan pembayaran wang amanah disenaraikan untuk diangkat kepada mesyuarat jawatankuasa fatwa untuk disalurkan kepada akaun sumber am (amanah)	WSA	1 tahun

1.6

OBJEKTIF STRATEGIK

MEMPERTINGKATKAN TAHAP PEMATUHAN DALAM PELAKSANAAN KONTRAK

Bil.	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
1.6.1	Memperkasakan pengurusan kontrak di MAIDAM	PUU	1 tahun
1.6.1.1	Menambah baik perjanjian dengan melaksanakan perjanjian tanpa tempoh		
1.6.1.2	Mewujudkan perjanjian tambahan sekiranya ada perubahan terma dari semasa ke semasa		

1.7

OBJEKTIF STRATEGIK

MEMPERKEMAS PENGURUSAN DALAM PELAKSANAAN PROGRAM MAIDAM

Bil.	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
1.7.1	Mewujudkan garis panduan pelaksanaan program dalam elemen: i. Menentukan kriteria bagi permohonan pendahuluan pelbagai ii. menyediakan kertas cadangan yang lengkap iii. mengemukakan kertas cadangan yang lengkap semasa permohonan pendahuluan pelbagai	KEW	1 tahun

**BIDANG
KEUTAMAAN:
PENGURUSAN
ZAKAT**
4.1.2
STRATEGI 2**MEMPERTINGKATKAN SISTEM PENGURUSAN ZAKAT DALAM KETELUSAN AGIHAN BANTUAN****OBJEKTIF STRATEGIK 2.1**

Memperkemas prosedur operasi bagi meningkatkan akauntabiliti perkhidmatan agihan zakat

OBJEKTIF STRATEGIK 2.2

Memantapkan kawalan dalam memastikan ketelusan agihan zakat

OBJEKTIF STRATEGIK 2.3

Memperkemas pentadbiran pengurusan kutipan zakat

2.1
**OBJEKTIF
STRATEGIK**
MEMPERKEMAS PROSEDUR OPERASI BAGI MENINGKATKAN AKAUNTABILITI PERKHIDMATAN AGIHAN ZAKAT

Bil.	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
2.1.1	Memperkasakan pentadbiran pengurusan zakat		
2.1.1.1	2.1.1.1 Memperkemas sistem dalam talian pengurusan zakat bagi agihan bantuan segera dengan permohonan dan kelulusan melalui sistem dalam talian	AZ/TM	1 tahun
2.1.2	2.1.2 Memperkasakan prosedur operasi bantuan sewaan rumah/premis perniagaan : <ol style="list-style-type: none"> Pemohon diwajibkan hadir sendiri bagi proses tandatangan perjanjian di hadapan pegawai pelulus Sebarang kegagalan pematuhan ke atas SOP, pegawai pelulus boleh dikenakan tindakan tatatertib Pemohon mesti mengemukakan dokumen asal ketika menandatangani perjanjian baru dan memperbaharui perjanjian lama 	AZ	1 tahun
2.1.3	2.1.3 Menambah baik SOP skim bantuan bulanan dalam elemen : <ol style="list-style-type: none"> Mengemas kini maklumat penerima bantuan setiap enam bulan sekali melalui Sistem Perkongsian Maklumat Antara Agensi (ALIS) Mensyaratkan permohonan setiap tiga tahun sekali Mensyaratkan kemas kini data (perlu dihantar kepada MAIDAM) setiap tahun sebelum dibuat bayaran 	AZ	1 tahun

2.2

OBJEKTIF STRATEGIK

MEMANTAPKAN KAWALAN DALAM MEMASTIKAN KETELUSAN AGIHAN ZAKAT

Bil.	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
2.2.1 Memperkasakan pengurusan permohonan bantuan di luar skim bantuan sedia ada			
2.2.1.1	<p>Mewujudkan SOP bagi permohonan dan kelulusan bantuan dalam elemen:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Meluluskan permohonan bantuan secara bersyarat yang pembelian mestilah selari dengan permohonan yang dihantar ii. Pemohon diwajibkan menghantar maklum balas/laporan berkaitan sumbangan yang diberikan dan justifikasi bagi pembelian yang tidak selari dengan permohonan. iii. Pemakluman bagi perkara i dan ii perlu dinyatakan dalam surat kelulusan bantuan 	AZ/ UAD	1 tahun

2.3

OBJEKTIF STRATEGIK

MEMPERKEMAS PENTADBIRAN PENGURUSAN KUTIPAN ZAKAT

Bil.	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
2.3.1 Mempertingkatkan kredibiliti dan integriti amil			
2.3.1.1	<p>Menambah baik dokumen pelantikan amil dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Memasukkan pengesahan penerimaan pelantikan dengan menandatangani pada surat pelantikan 	SEK. PENTADBIRAN & PUNGUTAN ZAKAT	1 tahun
2.3.1.2	Menambah baik peraturan-peraturan amil (Terengganu) (pelantikan dan peraturan am) 2018 dengan memasukkan klausula penalti	UNIT PERUNDANGAN	2 tahun
2.3.1.3	Meletakkan tempoh laporan penggunaan buku resit oleh amil kepada MAIDAM setiap sebulan	SEK. PENTADBIRAN & PUNGUTAN ZAKAT	1 tahun
2.3.1.4	Mewujudkan sistem bayaran zakat tanpa tunai kepada setiap amil	SEK. PENTADBIRAN & PUNGUTAN ZAKAT	1 tahun

**BIDANG
KEUTAMAAN:
PEMBANGUNAN
HARTA DAN
PROJEK**
4.1.3
STRATEGI 2**MEMPERKASAKAN SISTEM PENYAMPAIAN PEMBANGUNAN HARTA DAN PROJEK BAGI
MEMPERTINGKAT KUALITI PERKHIDMATAN****OBJEKTIF STRATEGIK 3.1**

Meningkatkan ketelusan dalam pengurusan projek melalui pemerkasaan prosedur operasi

OBJEKTIF STRATEGIK 3.2

Memperkasakan pengurusan pembangunan projek melalui pelantikan kontraktor yang kompeten

OBJEKTIF STRATEGIK 3.3

Memperkasakan pengurusan harta bagi meningkatkan hasil MAIDAM

3.1
**OBJEKTIF
STRATEGIK**
**MENINGKATKAN KETELUSAN DALAM PENGURUSAN PROJEK MELALUI PEMERKASAAN
PROSEDUR OPERASI**

Bil.	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
3.1.1	Memperkasakan Prosedur Operasi Standard (SOP) berkaitan pengurusan projek:	TEK	1 tahun
i.	Mewajibkan pihak kontraktor menyerahkan laporan pengesahan siap kerja bagi tujuan tuntutan ii. Pengesyoran dan pengesahan laporan siap kerja oleh pegawai pemantau iii. Perakuan siap kerja dilakukan oleh pegawai atasan		

3.2

OBJEKTIF STRATEGIK

MEMPERKASAKAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN PROJEK MELALUI PELANTIKAN KONTRAKTOR YANG KOMPETEN

Bil.	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
3.2.1	Menambah baik pendaftaran kontraktor/pembekal	TEK	1 tahun
3.2.1.1	Menetapkan tempoh sah laku pendaftaran kontraktor/pembekal mengikut tarikh sah laku yang dikeluarkan oleh CIDB		
3.2.1.2	Mewajibkan kontraktor mengemukakan dokumen-dokumen berkenaan ketika pendaftaran/pembaharuan kontraktor/pembekal: i. Profil syarikat ii. Dokumen kewangan (ada pinjaman MARA ATAU tidak/aktif ATAU alibaba) iii. Prestasi kerja		
3.2.1.3	Mewajibkan kontraktor menghantar dokumen kewangan yang lengkap dan terkini bagi kontraktor/pembekal yang mendapat kerja undi		

3.3

OBJEKTIF STRATEGIK

MEMPERKASAKAN PENGURUSAN HARTA BAGI MENINGKATKAN HASIL MAIDAM

Bil.	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
3.3.1	Memantapkan pengurusan sewa aset tak alih MAIDAM	PH	1 tahun
3.3.1.1	Menambah baik permohonan sewa premis dengan memasukkan elemen: i. Memasukkan klausula kebenaran bagi pemotongan bantuan sewa premis bagi pemohon yang menerima bantuan bulanan ii. Mewajibkan semakan ke atas pemohon sama ada penerima bantuan bulanan zakat		
3.3.1.2	Memperkemas penguatkuasaan ke atas penyewa yang gagal membayar sewa		

MEKANISME PEMANTAUAN**4.2**

BAGI MEMASTIKAN SEMUA INISIATIF OACP MAIDAM DILAKSANAKAN DENGAN CEKAP, SISTEMATIK DAN MENYELURUH, KERJASAMA DAN KETERLIBATAN PIHAK PENGURUSAN TERTINGGI, WARGA KERJA MAIDAM, PELANGGAN DAN PIHAK BERKEPENTINGAN ADALAH PENTING AGAR OACP MAIDAM BERGERAK SEIRING DENGAN NACP YANG TELAH DITETAPKAN OLEH KERAJAAN. JAWATANKUSAUSA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN OACP MAIDAM HENDAKLAH DITUBUHKAN DAN MELAKSANAKAN TUGAS SEPERTI BERIKUT:

PELAKSANAAN**4.2.1**

- i. Memastikan setiap bahagian melaksanakan inisiatif dan membuat pemantauan melalui aktiviti atau program yang dirancang.
- ii. Mengemukakan laporan pelaksanaan setiap suku tahun kepada Unit Integriti.

PENILAIAN OACP**4.2.2**

- i. Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan setiap inisiatif.
- ii. Memastikan aktiviti dilaksanakan sebagaimana dirancang.
- iii. Menilai sama ada aktiviti yang menyokong strategi berorientasikan matlamat yang dicapai.

MEKANISME PENILAIAN**4.3****JAWATANKUSAUSA ANTI RASUAH (JAR)
MAIDAM**

Menasihati dan memberi arahan untuk memastikan kemampuan OACP

Laporan dikemukakan oleh Urus Setia kepada JAR

Mengemukakan laporan setiap suku tahun kepada Pengurusan MAIDAM

**URUS SETIA
UNIT INTEGRITI
BAHAGIAN/NEGERI****MESYUARAT
JAWATANKUSAUSA
OACP MAIDAM**

- Mesyuarat Dwi Tahunan
- Penilaian kuantitatif dan kualitatif semua inisiatif
- Meneliti matlamat OACP dengan menilai strategi dan inisiatif
- Memantau proses pelaksanaan OACP



MENJADIKAN
MAIDAM
SEBUAH INSTITUSI
ISLAM YANG
BERINTEGRITI
DAN
SIFAR
RASUAH

Bab 5

Kesimpulan

5.1 KESIMPULAN	40
5.2 PENGHARGAAN	41

KESIMPULAN 5.1

SUCCESS

MAIDAM TELAH MEMPERLIHATKAN KOMITMEN DALAM MENYOKONG DASAR ANTIRASUAH KERAJAAN DENGAN MEMBANGUNKAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) MAIDAM DENGAN MENYASARKAN PERANCANGAN LIMA TAHUN, IAITU BAGI TAHUN 2022 HINGGA TAHUN 2026. DEMI MATLAMAT MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA BEBAS RASUAH, PELAN INI MENGARISKAN TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL UNTUK MENYAHUT DASAR KERAJAAN. PELAN INI MENGAMBIL KIRA PANDANGAN WARGA MAIDAM SECARA HOLISTIK DAN TELAH MENGENAL PASTI TIGA STRATEGI YANG MERANGKUMI 35 INISIATIF UNTUK DILAKSANAKAN SEBAGAI PANDUAN PENGURUSAN ANTIRASUAH DI MAIDAM.

Pelaksanaan semua inisiatif yang telah digubal ini akan dipantau dan dikaji semula secara berkala untuk kelestarian keberkesanan OACP. Untuk memastikan inisiatif yang dirangka akan sentiasa relevan dan terus menjadi panduan dan rujukan semua pihak dalam menangani salah laku dan jenayah rasuah, MAIDAM akan sentiasa peka dengan perubahan semasa dan mengambil kira maklum balas, nasihat dan panduan daripada pelbagai pihak dari semasa ke semasa.

Hala tuju baharu negara dalam aspek penambahbaikan tadbir urus, integriti dan antirasuah serta kelangsungan pelan ini pada masa hadapan bakal ditentukan oleh kejayaan pelaksanaan 35 inisiatif dalam tempoh lima tahun akan datang selaras dengan visi OACP MAIDAM, iaitu menjadikan MAIDAM sebuah institusi Islam yang berintegriti dan sifar rasuah.

PENGHARGAAN

5.2

UCAPAN TERIMA KASIH YANG TIDAK TERHINGGA KEPADA SEMUA PIHAK YANG MEMBANTU BAGI PENYEDIAAN DOKUMEN PEMBANGUNAN OACP MAIDAM.

PENGURUSAN TERTINGGI MAIDAM

YB. DATO' HAJI SHAikh HARUN BIN SHAikh ISMAIL
YBRS. PROF. MADYA DR. AHMAD AZRIN BIN ADNAN
ENCIK ABDUL RAZAK BIN ABDUL RAHMAN
PUAN WAN NORAINA MARDIAH BINTI WAN CHIK
ENCIK MOHD JALIL BIN NGAH
ENCIK AHMAD NORDIN BIN ALIAS
PUAN NORLIZA BINTI MUHD NOR
ENCIK HISHAMILZA BIN ZAKARIA
ENCIK YAACOB BIN ABDULLAH
ENCIK ABDUL HALIM LIM BIN ABDUL RAHMAN
ENCIK WAN MOHD HELMI BIN WAN MOHD SHAMSUDIN
ENCIK DR. MOHD RIDZUAN BIN MOHAMAD
ENCIK MOHD ABDILLAH BIN TAJUDIN

TENAGA PAKAR

SSUPT SHANI BIN MANDU
PSK SORFINA IZZATI BINTI MOHD SAID
PSK NAJWA BINTI MOHD SABRY

JAWATANKUASA DAN URUS SETIA OACP

ENCIK NAZLI AMIRRI BIN NGAH	Pengerusi
PUAN NURUL AIN BINTI NORDEEN.....	Setiausaha
PUAN NUR HAFIZA BINTI ZAMRI	Ahli
ENCIK MUHAMAD SYARIF BIN OMER	Ahli
Y.M. TENGKU HASNYDA BINTI TENGKU IBRAHIM	Ahli
PUAN FATIMAH ZARIAH BINTI HARUN @ MUSA	Urusetia
PUAN SOLIHAH ADLINA BINTI MAMAT @ ADAM	Urusetia
PUAN HAYATI BINTI AWANG	Urusetia
PUAN NURUL SHAHIDA BINTI MOHD NASIR	Urusetia



MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU (MAIDAM)

Pusat Pentadbiran Islam Negeri, Kompleks Seri Iman,
Jalan Sultan Mohamad, 20519 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.
Tel: 09-6303030 | Fax: 09-6248134 / 09-6247917 | Emel: info@maidam.gov.my

RASIONAL MUKA DEPAN

Rekabentuk adalah berpandukan slogan "MENJADIKAN MAIDAM SEBUAH INSTITUSI ISLAM YANG BERINTEGRITI DAN SIFAR RASUAH". Penekanan adalah kepada SIFAR RASUAH di mana terbentuknya satu bulatan sifar yang mana di dalam sifar tersebut terpapar satu gambar yang menunjukkan penolakan pemberian rasuah yang merujuk kepada visi OACP MAIDAM untuk menSIFARKan rasuah di MAIDAM.